

121

NO. SOALAN: 49

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM
PARLIMEN KETIGA BELAS (2018)
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **YB TUAN MOHD RAFIZI BIN RAMLI
[PANDAN]**

TARIKH : **7 MAC 2018 [RABU]**

SOALAN :

Tuan Mohd Rafizi Bin Ramli [Pandan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah keseluruhan dana Tabung Haji (dalam semua bentuk) yang disuntik ke dalam TH Heavy Engineering Berhad (THHE) setakat 31 Disember 2017 dan berapa dari jumlah itu yang dijangka diperolehi kembali menjelang 31 Disember 2018.

JAWAPAN : (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN
HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN
PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah keseluruhan pelaburan Lembaga Tabung Haji (*TH*) ke dalam TH Heavy Engineering Berhad (THHE) setakat 31 Disember 2017 adalah sebanyak RM655.0 juta. Pecahan pelaburan adalah seperti butiran berikut:

- a) Pelaburan jangka panjang sebanyak RM 605 juta yang meliputi:
- i- Saham biasa – RM 330.7 juta; dan
 - ii- ICPS-i : Saham keutamaan tidak boleh ditebus, boleh ditukar (Islamic) [*Irredeemable Convertible Preference Shares*] – RM 274.3 juta.
- b) Sukuk Murabahah (Bercagar) – RM 50 juta.

Bagi pelaburan jangka panjang, pada masa ini THHE sedang melakukan Pelan Regularisasi yang diharap akan dapat memulihkan THHE kepada keadaan yang lebih baik. Apabila THHE dapat menjana pulangan dari perniagaan baru seperti yang dirancang, maka kedudukan kewangan syarikat akan kembali kukuh. Dengan itu diharap THHE akan dapat memberi pulangan yang positif kepada pemegang-pemegang sahamnya.

Manakala pelaburan **TH** melalui kaedah Sukuk Murabahah (Bercagar) THHE, adalah sebahagian daripada Skim Perkiraan (*Scheme of Arrangement - SOA*) yang telah dibenarkan oleh Mahkamah Tinggi pada 6 Februari 2018. **TH** akan menerima bayaran balik sebanyak RM40 juta daripada RM50 juta bagi pelaburan dalam Sukuk Murabahah (Bercagar) apabila Skim Perkiraan tersebut selesai yang dijangka pada hujung tahun 2018.

Sekian, terima kasih.